

**TEKS UCAPAN**  
**YANG BERBAHAGIA DATO' SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN**  
**KETUA PENGARAH MAMPU**  
**SEMPENA:**  
**PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)**  
**#PRIHATIN@MAMPU**  
**PUSAT JAGAAN MAHMUDAH MALAYSIA**  
**PADA:**  
**30 APRIL 2016 (SABTU), 8.00 PAGI**  
**BERTEMPAT DI**  
**PUSAT JAGAAN MAHMUDAH MALAYSIA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera Dan Salam 1Malaysia: Rakyat Didahulukan,  
Pencapaian Diutamakan,

Yang Saya Hormati Saudara/Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berusaha .....

(VIP Islamic Relief)

Penasihat dan Pengerusi Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia

Yang Berusaha Timbalan-timbalan Ketua Pengarah MAMPU,

Pasukan Sukarelawan Kelab MAMPU,

Pasukan Islamic Relief,

Pasukan Pengurusan dan Penghuni Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul pada hari ini bagi menjayakan Program **Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)** yang kita namakan "**Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) #Prihatin @MAMPU di Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia**".
2. Ribuan terima kasih dan syabas juga saya ucapkan kepada pasukan *Islamic Relief* yang sudi berganding bahu bersama-sama pasukan MAMPU dalam memastikan kelancaran program ini yang bertujuan membantu mempertingkatkan tahap kesejahteraan Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia.
3. "**Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) #Prihatin @MAMPU**" bukan suatu program yang baharu di MAMPU. Program ini telah lama dilaksanakan, hanya ianya diberikan nafas baharu dengan penjenamaan semula iaitu **#Prihatin @MAMPU** dan dilaksanakan dengan pendekatan yang sedikit berbeza, iaitu ianya dilaksanakan secara kolaborasi bersama entiti *Islamic Relief Malaysia*.
4. MAMPU secara berterusan berusaha memantapkan kapasiti organisasi agar dapat merealisasikan transformasi penyampaian perkhidmatan sektor awam secara cekap dan berkesan. Justeru,

inisiatif #Prihatin@MAMPU melalui Langkah Strategik: Pembudayaan Nilai-nilai Murni dan Patriotisme Dalam Kalangan Warga MAMPU diperkenalkan, bagi mewujudkan kesedaran serta tanggungjawab sosial dalam kalangan warga MAMPU. Diharapkan program seumpama ini dapat menimbulkan rasa ingin membantu masyarakat setempat secara sukarela dan seterusnya, membina imej warga MAMPU yang dinamik, peka dan mempunyai semangat kebersamaan.

5. Untuk makluman bersama, MAMPU telah mewujudkan tabung #Prihatin@MAMPU yang memperoleh dana daripada jualan barangan terpakai hasil sumbangan warga MAMPU. Dana inilah yang akan digunakan untuk membiayai pelaksanaan program #Prihatin@MAMPU. Diakui, dana tabung ini memang kecil, namun ia merupakan satu permulaan bagi MAMPU untuk menimbulkan bibit-bibit kesedaran dalam kalangan warga MAMPU mengenai kesusahan yang dialami masyarakat setempat. Semoga, kita sama-sama beroleh manfaat daripada program ini.
6. Esok merupakan 1 Mei, iaitu Cuti Umum: Hari Pekerja. Tetapi saya boleh lihat semangat kesepakatan anda semua bagi sama-sama membantu bergotong-royong di Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia ini. Semangat kesepakatan dan kerjasama seperti ini wajar diteruskan dan dijadikan budaya positif MAMPU agar kita terus dapat memberikan yang terbaik kepada komuniti.
7. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah serta syabas kepada anda semua yang

melapangkan minda dan masa untuk menjayakan program pada hari ini. Semoga program sebentar nanti akan berjalan dengan lancar seperti yang telah dirancang. Sekiranya ada yang terkurang, maaf jua yang saya pinta, kerana kita semua berkehendakkan kepada yang baik-baik sahaja.

8. Sehubungan dengan itu, dengan lafaz Bismillahhirrahmannirrahim, marilah kita sama-sama memulakan program bergotong-royong mengecat Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia ini.

Sekian, terima kasih.